

ETIKA ISLAM DALAM MEMBINA PERADABAN MANUSIA YANG CEMERLANG **ISLAMIC ETHICS IN BUILDING AN EXCELLENT HUMAN CIVILIZATION**

Zuraimy Ali¹, Azhar Abdul Rahman², Noraini ismail³, Nadiyah Hashim⁴

¹ Zuraimy Ali, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM cawangan Perlis, zuraimy@uitm.edu.my

² Azhar Abdul Rahman, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM cawangan Perlis, azharabdulrahman@uitm.edu.my

³ Noraini ismail, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM cawangan Perlis, noraini045@uitm.edu.my

⁴ Nadiyah Hashim, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM cawangan Perlis, nadiyah@uitm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

Abstrak

Etika Islam adalah sinonim dengan adab. Adab didefinisikan sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dan perbuatan lahir daripadanya dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Asas etika Islam adalah bersumberkan sumber ketuhanan (dalil naqli) iaitu al-Quran dan al-Hadith. Dalam masa yang sama, Islam turut mengiktiraf sumber kemanusiaan (dalil aqli) yang terdiri daripada taakulan akal, naluri dan juga pengalaman manusia. Namun, akal, naluri dan pengalaman ini mestilah digunakan dengan bimbingan wahyu al-Qur'an dan al-Hadith itu sendiri. Kombinasi sumber ketuhanan dan sumber kemanusiaan ini menghasilkan etika Islam yang mantap bagi mendasari segala aktiviti kehidupan manusia. Metodologi penulisan ini adalah berasaskan kepada kajian kepustakaan dan analisa maklumat yang diperolehi melalui kajian-kajian lepas. Kajian ini membahaskan tentang pengertian etika Islam menurut al-Quran dan as-Sunnah dan kepentingannya dalam pembinaan peradaban manusia. Seterusnya hasil kajian ini merumuskan kepada empat impak utama dalam pembinaan peradaban manusia iaitu dari sudut pemikiran yang positif, tingkah laku yang baik, kerohanian yang sempurna dan identiti yang kukuh. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan ilmu terhadap pembinaan etika Islam yang berkesan bagi membina peradaban manusia yang cemerlang.

Kata kunci

Etika Islam, peradaban manusia, peradaban cemerlang

Abstract

Islamic ethics is synonymous with manners. Adab is defined as a trait that is embedded in a person's soul and actions arise from it easily without needing to consider the mind beforehand. The basis of Islamic ethics is sourced from divine sources (dalil naqli) which are al-Quran and al-Hadith. At the same time, Islam also recognizes human resources (dalil `aqli) which consists of reason, instinct and human experience. However, this intellect, instinct and experience must be used with the guidance of the revelation of the Qur'an and the Hadith itself. This combination of divine resources and humanitarian resources produces a solid Islamic ethic to underpin all activities of human life. The methodology of this writing is based on literature research and analysis of information obtained through past studies. This study debates the meaning of Islamic ethics according to the Qur'an and Sunnah and its importance in the construction of human civilization. Next, the results of this study summarize four main impacts in the construction of human civilization, namely from the point of view of positive thinking, good behavior, perfect spirituality and a strong identity. The findings of this study are expected to contribute knowledge to the construction of effective Islamic ethics to build an excellent human civilization.

Keywords

Islamic ethics, human civilization, excellent civilization

1. Pengenalan

Peradaban manusia diukur melalui perkembangan dan kemajuan individu, institusi keluarga, komuniti setempat, masyarakat yang pelbagai dan konsep negara bangsa yang wujud pada zaman tersebut. Perbincangan berkaitan peradaban adalah bertujuan untuk memperoleh kebaikan dan kebahagiaan hidup manusia serta perubahan ke arah membina peradaban manusia yang lebih baik. Masa depan peradaban manusia bergantung kepada ketinggian ilmu dan etika Islam yang ada pada seseorang individu, masyarakat atau sesuatu peradaban. Teras ilmu pengetahuan pula merujuk kepada keperluan untuk memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang berfaedah dan tidak melanggar syariat Islam. Ilmu pengetahuan yang dimiliki bukan sahaja bermanfaat untuk kepentingan peribadi bahkan kepada agama Islam, masyarakat, bangsa dan negara (Zakaria, Noranizah, Abdul Fatah, 2012).

Peradaban yang menjulang etika Islam akan menjadi peradaban yang gemilang manakala peradaban yang meremeh-temehkan etika Islam akan menjadi peradaban yang terkebelakang. Peradaban yang mementingkan etika Islam akan sentiasa kukuh dan berdaya tahan sepanjang zaman manakala peradaban yang meminggirkan etika Islam akan jatuh dan mundur. Dalam peradaban Islam, keperluan mengamalkan etika Islam dilihat sebagai cara untuk mencapai kebahagiaan duniawi dan ukhrawi serta memperolehi rahmat dan keredaan Allah. Penjajahan Barat ke atas bangsa Melayu membawa kepada kehancuran segala sistem kemasyarakatan dan budaya Melayu

sehingga menjadi bangsa yang amat daif, tiada persaingan sihat serta miskin. Melayu diberikan gambaran yang negatif, buruk, mundur dan keji. Kesan penjajahan ini ditanggung oleh masyarakat Melayu sehingga kini. Kedatangan penjajah secara tidak langsung telah memecahbelahkan masyarakat Melayu di Alam Melayu. Mereka juga telah menyebarkan fahaman sekularisme yang mengetepikan konsep ketuhanan dan berlandaskan kepentingan duniawi semata-mata (Zakaria, Noranizah, Abdul Fatah, 2012).

Kebelakangan ini juga, kita sering diperdengarkan dengan pelbagai masalah keruntuhan jati diri dan akhlak dalam kalangan masyarakat Melayu. Ia berlaku sama ada pada peringkat kanak-kanak, remaja atau dewasa. Kebanyakan mereka terjebak dengan pelbagai budaya sosial dan gejala-gejala negatif yang datang dari negara Barat sehingga tidak lagi menggambarkan ciri-ciri sebagai seorang Melayu sejati. Orang Melayu pada hari ini begitu kagum dengan Barat sehingga menyebabkan kecairan jati diri dalam kalangan bangsa Melayu itu sendiri. Perkara ini berlaku kerana budaya yang datang dari dunia Barat selalu dianggap suatu kemajuan yang perlu dicontohi, manakala apa yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu dianggap suatu perkara yang mundur dan ketinggalan zaman (Zakaria, Noranizah, Abdul Fatah, 2012).

Pembaharuan yang dibawa oleh pihak penjajah ini telah menyebabkan penerapan ajaran Islam mula terpinggir daripada masyarakat Melayu. Ini kerana pihak penjajah tidak melihat agama Islam sebagai sesuatu yang mempunyai nilai komersial dan penting kepada masyarakat malah dilihat Islam sebagai satu ancaman kepada mereka. Sehingga ke saat ini, pengaruh pemikiran yang diperkenalkan oleh Barat di Tanah Melayu masih lagi kekal dan menjadi dua bahagian yang memisahkan di antara Islam dengan perkara duniawi. Ilmu agama telah terasing dari ilmu pengetahuan dan tidak lagi menjadi landasan epistemologi dan kerangka kewujudan ilmu seperti yang difahami dalam al-Quran dan al-Sunnah (Zakaria, Noranizah, Abdul Fatah, 2012).

1. Metodologi Kajian Konseptual Etika Islam

Pelaksanaan metodologi kajian ini menggabungkan kombinasi pengumpulan data daripada kajian-kajian lepas dan menggunakan metodologi keperustakaan. Metodologi kajian ini mengguna pakai bahan-bahan rujukan dari jurnal yang bersesuaian sebagai pembinaan konseptual etika Islam dan kesannya terhadap pembinaan peradaban manusia yang cemerlang. Pembentukan konsep kajian ini dibuat berdasarkan kepada bahan rujukan yang diperolehi dari kajian literatur oleh sarjana yang mengkhususkan dalam bidang penyelidikan etika Islam. Komponen penyelidikan berdasarkan kaedah kualitatif yang meliputi (i) pengenalanpastian masalah, (ii) pengumpulan data awalan, (iii) pembangunan kerangka teori, (iv) pembangunan persoalan kajian, (v) pembangunan reka bentuk kajian, (vi) pengumpulan dan analisis data serta (vii) penutup (Sekaran & Bougie 2009).

2. Perbincangan Dapatan Konseptual Kajian

2.1 Peradaban Manusia Yang Cemerlang

Kehebatan peradaban Islam telah terbukti dengan pembuktian sejarah melalui perluasan empayar Islam dan penerimaan masyarakat Muslim yang menjadi majoriti bagi penduduk dunia suatu ketika dahulu. Selain itu, peradaban dan tamadun Islam juga berada di kemuncak dengan lahirnya tokoh-tokoh pemikir dan sarjana Islam yang ramai dalam pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu agama, falsafah, sains, perubatan, pelayaran, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya. Ini adalah disebabkan kerana kesungguhan dan etika Islam yang tinggi yang diamalkan dalam kehidupan seharian sehingga melahirkan ramai ilmuwan dan juga memiliki peradaban yang tinggi (Ali, 2008).

Peradaban Islam yang dimiliki oleh umat Islam adalah berteraskan kepada ajaran Islam yang disampaikan melalui Nabi Muhammad SAW yang menjadi contoh teladan kepada umat Islam bagi tujuan mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tidak dapat dinafikan bahawa kedatangan Islam telah membawa banyak perubahan dan kesan kepada corak pemikiran dan sosio-budaya masyarakat Melayu. Agama Islam telah membawa ajaran dan tamadun yang lebih tinggi dan lengkap, lebih rasional dan logik serta lebih mudah diterima oleh masyarakat Melayu (Ali, 2008).

2.2 Etika Islam Menurut Al-Quran Dan Al-Hadith

Di dalam surah al-Qalam ayat 4 menjelaskan pujian dan pengakuan Allah s.w.t terhadap tingginya budi pekerti, akhlak atau etika Rasulullah s.a.w. sehingga Allah menggunakan kalimat *nakirah* (am) yang menunjukkan bahawa segala perilaku baginda mengandungi akhlak yang boleh diikuti juga diteladani. Allah s.w.t berfirman yang bermaksud:

Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia.
Surah al-Qalam (68) :4

Rasulullah s.a.w. dianggap sebagai model utama manusia yang beretika kerana keseluruhan kehidupannya berpandukan al-Quran, sesuai dengan hadith dari Saad Bin Hasyim yang mendatangi Aisyah r.a. dan meminta penerangan, "khabarkan kepadaku tentang akhlak Rasulullah s.a.w. maka Aisyah menjawab, "akhlak baginda adalah al-Quran, tidakkah kamu membaca ayat (dalam surah al-Qalam ayat ke- 4)?"

Al-Quran banyak menyebutkan soal akhlak dan etika melalui ayat-ayat yang diturunkan di Mekah dan dikaitkan dengan ketauhidan. Baginda Nabi s.a.w diutuskan kepada orang Arab khasnya orang Mekah pada awalnya untuk memperbaiki akhlak mereka sehingga mengubah zaman Jahiliyyah kepada zaman yang memiliki peradaban yang tinggi dan mulia. Rasulullah s.a.w membimbing akhlak mulia melalui contoh teladan yang ditunjukkan oleh baginda dan boleh diamalkan oleh setiap umat tanpa batasan tempat dan masa.

Etika Islam mengajar umat agar sentiasa mengabdikan diri hanya kepada Allah s.w.t. Sebagai makhluk, setiap manusia hendaklah mengakui dan mengabdikan diri sebagai hamba Allah, tidak menduakannya, tunduk taat dalam melaksanakan perintahNya. Etika Islam menganjurkan umat agar sentiasa jujur dan amanah dalam memikul tugas sebagai hambaNya dan khalifah di atas muka bumi ini bersesuaian dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar / jujur.

Surah at-Taubah (9) :119

Etika Islam juga dapat dibentuk melalui amalan ibadah dan juga amalan soleh yang dapat membimbing akhlak seorang Muslim sebagaimana Allah s.w.t berfirman:

"...bacalah serta ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al Quran, dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan".

Surah al-Ankabut (29) :45

Muslim yang sentiasa istiqamah mendirikan solat dan menghayati ajaran Islam akan terzhahir padanya keperibadiannya sebagai manusia yang penuh dengan sopan santun serta memiliki akhlak dan etika Islam yang bersifat positif. Begitu juga dalam ibadat haji yang mempunyai elemen pembentukan etika Islam yang mulia bagi seseorang yang melaksanakan ibadat tersebut. Allah s.w.t berfirman :

"... (masa untuk mengerjakan ibadat) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. maka sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar..."

Surah al-Baqarah (2) :197

Setiap Muslim perlu mengikut setiap ketetapan yang telah diputuskan oleh Allah s.w.t terhadap hambaNya. Etika Islam juga berperanan sebagai syarat sahnya transaksi perniagaan mengikut Islam, ianya mesti jujur dan mendapat persetujuan kedua belah pihak sebagaimana firman Allah yang bermaksud :

"... wahai orang-orang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri, sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu".

Surah an Nisa' (4) : 29

Berdasarkan riwayat daripada Abdullah bin Umar, beliau bertanya Nabi s.a.w: “Wahai Rasulullah, siapakah mukmin yang paling mulia?” Rasulullah s.a.w menjawab, “Orang yang paling baik etika atau akhlakunya”.

Anas Bin Malik r.a. berkata : “Seorang hamba akan mencapai darjat yang sangat tinggi di akhirat disebabkan etika dan akhlakunya yang mulia, walau mungkin kurang ibadah (*sunnah*)nya, sebaliknya, dia akan ke neraka jika mempunyai etika yang buruk walau ia ahli ibadah. Etika Islam juga mempunyai ciri-ciri khusus seperti berikut; (1)Etika Islam membentuk dan membimbing manusia kepada tingkah laku yang baik dan menjauhkan diri dari tingkah laku yang buruk. (2) Etika Islam menetapkan bahawa yang menjadi sumber moral, ukuran baik dan buruknya perbuatan seseorang didasarkan pada al-Quran dan as-Sunnah. (3) Etika Islam bersifat universal dan komprehensif, dapat diterima dan dijadikan pedoman oleh seluruh umat manusia, sesuai sepanjang zaman dan di manapun mereka berada. (4) Etika Islam mengatur dan mengarahkan fitrah manusia kepada akhlak yang luhur dan mulia, serta meluruskan perbuatan manusia sebagai upaya memanusiatekan manusia dan sering kita sebut iaitu *humanisme*. Untuk itu sumber etika dalam Islam juga membentuk manusia insan kamil (Hardiono, 2020).

3 Etika Islam Membina Peradaban Manusia

3.1 Pembinaan Pemikiran Yang Positif

Perbincangan mengenai pembinaan pemikiran yang positif telah mula diteroka melalui literasi kajian terdahulu oleh banyak pengkaji (Florica, 2018). Kajian menunjukkan bahawa berfikiran positif membantu menguruskan kehidupan dengan lebih baik dan meningkatkan peradaban manusia yang seimbang. Berfikiran positif merupakan modal utama dalam menanamkan kepercayaan diri seseorang (Yuan, 2015).

Berfikiran secara positif adalah cara pemikiran yang menjuruskan kepada keupayaan melihat kepada aspek kebaikan dan perkara yang berlaku secara positif dan mampu menjadikan seseorang lebih yakin dan bertindak dengan bijak. Kewujudan ideologi positivisme merupakan salah satu perkembangan pemikiran yang wujud pada awal kesembilan belas masihi. Kewujudan ideologi ini membuka satu lembaran falsafah baru yang dikenali sebagai falsafah positivisme di mana pengetahuan adalah ditapis melalui pengalaman empirikal dan kesimpulan berdasarkan alasan yang sah (Florica, 2018). Etika Islam meliputi nilai positif (*ijabiyah*) dan nilai positif ini merujuk kepada nilai yang memberi kesan baik kepada pemikiran dan diri manusia serta dituntut untuk diamalkan.

Jika ditelusuri peristiwa agung penghijrahan Rasulullah SAW dan umat Islam dari kota Makkah ke Madinah dahulu dapat diambil pengajaran bahawa sikap dan cara berfikiran positif telah mengubah landskap dan ekosistem dakwah Islam di bumi Allah ini. Baginda SAW tidak sesekali menyalahkan ‘takdir semasa’ ketika itu di mana secara jelas penduduk Mekah menunjukkan sikap tidak menerima ajakan dan dakwah Baginda SAW, sebaliknya apa yang dilakukannya adalah melakukan tindakan hijrah dan berfikiran positif dengan menyusun semula strategi dakwah di bumi Madinah.

Berkat daripada penghijrahan dan pemikiran positif itu, Islam akhirnya berjaya dikembangkan. Penerimaan ajaran Islam semakin diterima masyarakat yang bukan sahaja berlaku di bumi Hijaz, tetapi turut mempengaruhi masyarakat luar seperti di Turki, Afrika dan kawasan Asia Tengah. Berfikiran positif merupakan suatu pemikiran yang membawa langkah seseorang menuju kejayaan dalam hidupnya. Kerana segala sesuatu yang dilakukan dengan berpikir positif akan menghasilkan hal yang positif juga (Yuan,2015).

3.2 Pembinaan Tingkah Laku Yang Baik

Pembinaan akhlak mulia hakikatnya bertujuan untuk mencapai kebahagiaan (*sa'adah*). Menurut Ibn Sina, kebahagiaan diperoleh manusia secara berperingkat bermula dengan budi pekerti, kesenian, dan perlunya keterampilan sesuai dengan bakat dan minat yang dikaitkan dengan perkembangan jiwa seseorang (Wiyono,2017). Hal ini menunjukkan bahawa tujuan pembinaan tingkah laku yang baik diberi penekanan yang lebih. Mencontohi akhlak Rasulullah dalam menjaga peribadi diri serta cara baginda menonjolkan diri ketika berkomunikasi serta berinteraksi sesama manusia adalah panduan terbaik dalam membina peradaban dan etika manusia (Rosli, et al., 2019).

Tingkah laku yang baik diikat dengan aqidah yang murni dan syariat yang sempurna. Oleh karena itu, etika merupakan pola tingkah laku yang dipengaruhi oleh keyakinan dan ketaatan beragama sehingga tergambar dalam perilaku yang baik. Tingkah laku yang baik dapat dilihat dengan jelas, baik dalam kata-kata mahupun perbuatan yang didorong oleh Allah. Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak manusia iaitu untuk memperbaiki hubungan *makhluq* (manusia) dengan *khaliq* (Allah Ta'ala) dan hubungan baik antara *makhluq* dengan *makhluq*. Rasulullah SAW ditugaskan untuk menyempurnakan akhlak, baginda sendiri sudah berakhlak sempurna sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“ Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) benar-benar berbudi pekerti yang agung ”
Surah Al-Qalam (68): 4

Akhlak yang dipamerkan oleh Rasulullah SAW merupakan model ikutan yang paling tepat. Baginda mempraktikkan tuntutan akhlak Islam dalam pengurusan diri, rumahtangga, masyarakat mahupun pentadbiran negara. Gandingan aspek teori dan praktis ini menjadikan etika Islam cukup lengkap untuk dilaksanakan dalam segenap aspek kehidupan.

Teras akhlak pula merupakan cerminan kepada segala amalan dan perlakuan seseorang individu. Ia berkait rapat dengan bagaimana seseorang itu menjaga hubungannya dengan Allah, dengan sesama makhluk atau dengan diri sendiri. Islam menganjurkan umatnya supaya berakhlak dan berbudi pekerti mulia dalam setiap perbuatan mahupun tutur kata kerana kemuliaan dan kehormatan seseorang itu akan

dinilai melalui ketinggian keperibadian akhlakunya (Zakaria, Noranizah, Abdul Fatah, 2012).

3.3 Pembinaan Kerohanian Yang Sempurna

Nilai-nilai dalam etika Islam merangkumi pelbagai aspek dan dimensi. Bersesuaian dengan sifat Penciptanya yang memiliki segala kesempurnaan, maka nilai-nilai yang digubalnya melambangkan keagungannya, menepati fitrah semulajadi manusia dan mesra sepanjang zaman. Sesuatu yang dikategorikan sebagai baik atau buruk, betul atau salah itu akan kekal dan diterimapakai oleh umat manusia sepanjang masa. Ini berbeza dari teori etika Barat yang sentiasa berubah-ubah dan hanya diterimapakai bagi suatu tempoh masa tertentu sahaja.

Pembinaan kerohanian amat penting dalam peradaban manusia kerana generasi pada masa kini dihambat dengan pelbagai cabaran globalisasi di mana dunia maya telah mempengaruhi semua sudut kehidupan tanpa mengira sempadan, tempat, masa dan kepelbagaian sama ada kita suka atau tidak. Justeru, hakikatnya kesedaran dan kecintaan beramal dengan etika Islam adalah amat penting kerana melalui ajaran Islam maka segala yang bertentangan dengan norma-norma dapat dihindarkan. Penganjuran aktiviti-aktiviti yang menekankan pembinaan kerohanian dapat memupuk nilai-nilai murni yang perlu diterap pada generasi muda agar pembangunan modal insan terus subur dalam menghadapi kehidupan yang semakin kompleks dan mencabar (Nik Safiah et al., 2015).

Justeru, pembinaan kerohanian merupakan satu unsur yang sangat penting dalam mempengaruhi kualiti peribadi seseorang dalam usaha melahirkan insan yang cemerlang sahsiah serta peribadi yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi. Penghayatan kepada agama ini hanya akan terlaksana sekiranya proses pembinaan kerohanian melalui penerapan nilai-nilai agama dapat dilakukan dengan berkesan dan berterusan. Penerapan nilai-nilai agama ini secara khususnya boleh dilaksanakan melalui perlaksanaan program-program bercorak kerohanian yang boleh dilakukan samada secara formal atau tidak formal (Baharin, Aminatuzuhariah, Mohd Farhan & Norsamsiah, 2008).

Pembinaan kerohanian yang sempurna merupakan aspek terpenting dalam sesebuah peradaban manusia kerana ia dapat memberi keseimbangan akhlak atau keperibadian kepada setiap muslim (Asar & Ahmad Fazullah, 2008). Ini kerana pembinaan kerohanian adalah elemen yang berkaitan dengan hati, jiwa, naluri yang merujuk kepada ruh manusia itu sendiri yang tidak diketahui oleh manusia melainkan sedikit sahaja. Hal ini bertepatan dengan ajaran Islam itu sendiri yang memberi penekanan kepada usaha yang berterusan dan bersepadu dalam menyampaikan ilmu, membina kemahiran diri, dan menjadi contoh inspirasi dan suri tauladan melalui penghayatan cara hidup Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sekaligus meningkatkan potensi diri dari sudut kerohanian, fizikal, intelek dan emosi agar menjadi manusia yang

bertanggungjawab terhadap Allah, manusia dan alam sekeliling ke arah mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Nik Safiah et al.,2015).

Pembinaan kerohanian yang sempurna boleh didik pada peringkat awal melalui aktiviti-aktiviti yang lebih menjurus kepada keagamaan yang mampu membina jati diri yang mantap dalam kalangan pelajar di sekolah sejajar dengan etika Islam (Syarifah Nooraida & Syarifah Fatimah, 2011). Maka, etika Islam yang menekankan elemen kerohanian adalah suatu bentuk acuan keperibadian bagi tujuan untuk membina potensi diri setiap insan. Adalah amat penting bagi setiap insan mempelajari dan memahami perkara-perkara yang berkaitan etika Islam bagi membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah. Individu yang memiliki pembinaan kerohanian yang sempurna adalah mereka yang dapat memimpin diri dan juga orang lain ke arah kecemerlangan dan keberkatan hidup di dunia dan akhirat.

Pembangunan manusia bermula dengan kesedaran diri iaitu bermula dengan pembangunan spiritual. Setelah mempunyai pembangunan spiritual yang tinggi dalam diri, manusia akan terdorong untuk menguasai setiap perkara dalam kehidupan mereka (Ruslan, Farid, Kaseh & Azmul, 2020). Oleh itu, dengan menekankan proses etika Islam dapat membina kerohanian yang akan mampu menjadi landasan kukuh bagi melahirkan insan yang seimbang, menyeluruh dan bersepadu selari dengan matlamat ajaran Islam.

3.4 Pembinaan Identiti Yang Kukuh

Pembentukan identiti individu atau sesuatu bangsa ini dipengaruhi oleh banyak faktor antaranya ialah faktor alam, persekitaran, pengalaman sejarah dan kepercayaan. Walau bagaimanapun, faktor yang paling utama dan dominan ialah faktor kepercayaan atau agama (Zakaria, Noranizah, Abdul Fatah, 2012). Konsep jati diri Melayu merupakan identiti yang kukuh dengan berpaksikan kepada beberapa prinsip utama iaitu: 1). Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan yang menjadi teras kepada jati diri bangsa Melayu. 2). Perwatakan, adab dan kesusilaan orang Melayu adalah berasaskan kepada prinsip tauhid dan hukum syarak. Mana-mana adat yang diamalkan sebelum Islam yang menyalahi syarak ditinggalkan atau dimodifikasi supaya selaras dengan syarak. 3). Penghayatan nilai tauhid dalam sistem kehidupan sama ada dalam entiti keluarga, masyarakat atau negara (Zakaria, Noranizah, Abdul Fatah, 2012).

Uniknya, apabila disebut Islam di Malaysia, ia amat sinonim dengan bangsa Melayu. Islam telah mendominasi adat dan kebudayaan tamadun Melayu yang diwarisi dari zaman ke zaman hingga ke hari ini. Sehubungan dengan itu, orang Melayu dilihat sebagai berjati diri bukan kerana keteguhannya berpegang kepada nilai-nilai budaya dan adat bangsanya semata-mata, tetapi kerana keteguhannya berpegang dengan nilai-nilai agama Islam yang sebenar yang tidak bercampur dengan sebarang bentuk fahaman atau pegangan dan amalan yang salah.

Nilai budaya sesuatu bangsa hanya boleh diterima sebagai asas jati diri bangsa tersebut jika ia benar-benar bersesuaian dengan nilai-nilai agama. Sebaliknya jika berlaku percanggahan antara nilai-nilai budaya dan agama, maka nilai budaya itu sendiri perlu dilihat sebagai faktor penghakis yang menghakis jati diri. Justeru tidak ada cara lain yang lebih berkesan untuk mengembali dan meningkatkan kekuatan jati diri bangsa Melayu melainkan dengan cara mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Azwira Abdul Aziz 2006; Zakaria, Noranizah, Abdul Fatah, 2012).

Kehidupan umat Islam pada akhir zaman ini sepatutnya lebih sejahtera dan indah tetapi mulai kacau bilau disebabkan kelalaian masyarakat terhadap agenda yahudi yang mana sengaja untuk meruntuhkan institusi agama Islam seperti yang disebutkan dalam hadis dibawah:

Maksud: Abu Said al-Khudri RH katanya, "Nabi Muhammad SAW bersabda, "Kamu semua akan mengikut jejak langkah umat-umat sebelum kamu sejengkal demi sejengkal sehasta demi sehasta sehingga kalau mereka masuk ke lubang biawak sekali kamu tetap akan mengikut mereka. Kami bertanya adakah mereka itu Yahudi dan Nasrani? Sabda Nabi SAW: Siapa lagi kalau bukan mereka?"

Riwayat Muslim no: 2669

3. Kesimpulan

Perkembangan dan sejarah peradaban manusia tidak akan sempurna tanpa penghayatan etika Islam dalam kehidupan seharian. Justeru, kesemua elemen pembinaan etika Islam ini sangat berkait rapat dengan kegemilangan umat manusia. Etika Islam memberikan sumbangan yang positif terhadap pembinaan peradaban umat Islam dan menjadi benteng yang kukuh dalam menghadapi sebarang bentuk cabaran mendatang.

Etika Islam juga mampu memberikan solusi kepada banyak masalah sosial dan keruntuhan akhlak yang berlaku pada masa kini dan akan datang. Etika Islam juga membolehkan agama Islam diangkat kedudukannya dari pandangan masyarakat dunia dan diteladani sebagai satu ajaran yang memberikan penyelesaian kepada masalah yang berlaku pada masa kini dan akan datang. Jelaslah bahawa sesungguhnya etika Islam mestilah diikuti oleh semua umat Islam khususnya dan manusia seluruhnya bagi menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat serta Allah s.w.t juga memperingatkan kita agar janganlah kita menurut jalan-jalan yang lain dari Islam kerana jalan-jalan yang lain itu membawa kepada kerosakan dan keruntuhan peradaban manusia.

Rujukan

- Ali Mohammad (2008), Sumbangan Tamadun Islam Dalam Kehidupan Masyarakat Di Alam Melayu Hingga Abad Ke-17 M. *Journal of Al-Tamaddun* 3 (1), 68-84.
- Amini Amir Abdullah (2011), *Masa Depan Peradaban Manusia: Impak Kehidupan dan Sosial*, Suara Pusat Islam Universiti Putra Malaysia, 8 April.
- Asar Abdul Karim & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin (2008). *Kepentingan Pendidikan Rohani dalam Pembangunan dan Pendidikan Islam*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6. Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.
- Azwira Abdul Aziz. 2006. 15 asas pembinaan jati diri Muslim menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Baharin Mesir, Aminatuzuhariah M. Abdullah, Mohd Farhan Ngatman & Norsamsiah Muhamad @ Wahab (2008). *Kajian Perlaksanaan Program-Program Kerohanian Untuk Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Florica, C. M. (2018). *Dialogo Journal*. The Influence of Religios Sentiment and Positive Thinking on Life Quality. November 3 - 12, 2018 p 68 - 78.
- Hardiono (2020) Sumber etika dalam Islam, *Jurnal Al-Aqidah: Jurnal Ilmu Aqidah Filsafat*, Volume 12, Edisi 2, Desember 2020 m 26-36.
- Muhammad Zuhail A. Lathif (2018), *Etika Dalam Al-Quran*.
<https://blog.pergas.org.sg/etika-dalam-al-quran/>
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor, Abdullah Abd Ghani, Norazlina Abd Wahab, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Ahmad Bashir Aziz & Nor Hanim Elias (2015)Kepentingan Elemen Kerohanian Dalam Perlaksanaan Aktiviti Di Mrsm Ulul Albab: Kajian Kes Di Mrsm Gemencheh, Negeri Sembilan.*Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (Gbse)*. Vol. 1: No. 2 (2015) Page 77–88.
- Rosli, Tasnim; Muniandy, Yogenathan; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). “Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam” in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 115-130.
- Ruslan H., Farid M. Z., Kaseh A. B. & Azmul F. K.(2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur.Malim: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 21: 126–141
- Sekaran, U. and Bougie, R. (2009) *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. 5th Edition, John Wiley and Sons Inc., Hoboken.
- Syarifah Habibah (2015). Akhlak Dan Etika Dalam Islam. *Jurnal Pesona Dasar*. Vol. 1 No. 4, Oktober 2015, Hal 73 - 87
- Syarifah Nooraida Wan Hasan & Syarifah Fatimah Wan Jamel (2011). Tinjauan Keperluan Aktiviti Kerohanian dalam Kalangan Guru Pelatih Muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, Jilid 10, 1-13.
- Wiyono, D. F. (2017). Pemikiran Pendidikan Islam: Konseptualisasi Pendidikan Karakter Dalam Perspektif Intelektual Islam Klasik Nidhomul Haq : *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*. ISSN: 2503-1481 Hal: 164-179.

Yuan Andinny (2015)Pengaruh Konsep Diri Dan Berpikir Positif Terhadap Prestasi Belajar Matematika Siswa. *Jurnal Formatif* 3(2): 126-135.
Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, Abdul Fatah Shaharudin (2012).Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim.*Jurnal Hadhari Special Edition*. 129-141.